

# Borang Permohonan

Nama: \_\_\_\_\_

No. MyKad/Pasport: \_\_\_\_\_

Alamat Perhubungan: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Telefon: \_\_\_\_\_

Faks: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Kursus yang dipohon:  Pengurusan Ladang Getah & Penorehan Getah  
(tanda semua yang berkenaan)  Penyediaan Tapak Semaian & Anak Benih Getah Berkualiti

Saya ingin menyertai kursus ini pada bulan \_\_\_\_\_ dalam tahun \_\_\_\_\_.

Saya memiliki atau sedang mengerjakan tapak semaian/ladang persendirian.  Benar  Tidak Benar

(jika Benar) Saiz dalam ekar: \_\_\_\_\_ Tahun ditanam: \_\_\_\_\_

Untuk mendaftar lebih daripada satu (1) orang, sila lampirkan senarai nama beserta dengan borang ini.

## Maklumat Perhubungan:

**Tel: 088.212311 / +60.88.212311 (luar Malaysia)**

**Faks: 088.234940 / +60.88.234940 (luar Malaysia)**

ALAMAT:

Aras 3, Blok A, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Tasik, Luyang (Off Jalan Maktab Gaya), Beg Berkunci 2016, 88999 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.

E-mel: gm.getah@sabah.gov.my

Laman Web: www.ligs.sabah.gov.my



- 1) Pengurusan Ladang Getah & Penorehan Getah
- 2) Penyediaan Tapak Semaian & Anak Benih Getah Berkualiti

*Program Usahawan Tani Getah*

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pemohon)

**Hantar borang ini ke maklumat perhubungan yang tertera.**





## Peningkatan Ekonomi melalui Pertanian Modern

### Pengenalan Program

Kursus-kursus dalam program ini adalah berfaedah kepada para usahawan baharu dan para pekebun kecil getah yang akan atau sedang mengusahakan ladang getah. Program ini memberi gambaran menyeluruh berkenaan pengurusan ladang getah dari peringkat permulaan sehingga peringkat penorehan hasil. Selain daripada itu, peserta kursus akan memperolehi maklumat tentang kaedah-kaedah pengeluaran bahan tanaman serta garis panduan untuk penubuhan tapak semaian.



### Siapa perlu mengikuti program ini >>>

Pengurus projek, penyelia projek, pekebun kecil, usahawan getah baharu, peladang getah, serta individu dan organisasi lain yang berminat dalam perusahaan getah secara komersial.

## Sinopsis Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

Program Pengurusan Tapak Semaian dan Ladang Getah ini menawarkan kursus-kursus yang dijalankan secara gabungan teori dan praktikal. Semua kursus dijalankan di Pusat Latihan Industri Getah yang terletak di Tuaran, Sabah. Kursus-kursus ini ditawarkan sekali (1 kali) setiap bulan.

### Pengurusan Ladang & Penorehan Getah >>

Pada akhir kursus ini, para peserta diharap dapat mempelajari teknik-teknik 'best practices' berkenaan pengurusan dan penyenggaraan ladang getah. Selain itu, peserta akan dapat mempraktikkan cara-cara penjagaan dan penorehan pokok getah untuk memperolehi hasil.

Tempoh pembelajaran: 10 hari  
(Teori – 4 hari)  
(Praktikal – 6 hari)

### Penyediaan Tapak Semaian & Benih Berkualiti >>

Pada akhir kursus ini, para peserta diharap dapat mempelajari teknik-teknik 'best practices' berkenaan pengurusan dan penyenggaraan tapak semaian getah. Selain itu, peserta akan dapat mempraktikkan cara-cara pengklonan bibit getah bagi memastikan penghasilan benih pokok getah yang bermutu tinggi.

Tempoh pembelajaran: 4 hari  
(Teori – 1 hari)  
(Praktikal – 3 hari)



Kursus-kursus yang ditawarkan termasuklah penginapan di tapak latihan, pengangkutan pergi balik pusat latihan dan ladang getah / tapak semaian, makanan dan minuman (sarapan pagi dan makan tengah hari), modul kursus, serta sijil penyertaan. Untuk mendaftar, sila kemukakan borang permohonan terlebih dahulu untuk pengesahan sebelum membuat pembayaran anda.

Yuran bagi Penyediaan Tapak Semaian & Benih Berkualiti adalah RM1,200 seorang, manakala Pengurusan Ladang & Penorehan Getah adalah RM2,500 seorang. Pembayaran penuh boleh dibuat sebelum atau pada hari pertama kursus, secara tunai, cek atas nama LEMBAGA INDUSTRI GETAH SABAH, atau pindahan bank melalui HSBC nombor akaun 392015889001 (sila berikan slip pembayaran sebagai bukti).